

Headline	Hubungan baik Riyadh-KL diharap tambah kuota haji		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	23 Jun 2015	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	314,000
Page No	30	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	196 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,558
Frequency	Daily	PR Value	RM 10,674



## **Minda Pengarang**

# Hubungan baik Riyadh-KL diharap tambah kuota haji

**P**erdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak memaklumkan bahawa kerajaan akan terus berusaha untuk meminta Arab Saudi menambah kuota haji bagi membolehkan lebih ramai jemaah dapat menunaikan ibadat itu tahun ini. Laporan sebelum ini menyatakan, kuota haji Malaysia tahun ini ditetapkan 22,320 orang. Beliau memahami keperluan untuk menambah angka itu kerana berdasarkan prosedur Lembaga Tabung Haji (TH) pada masa ini, jemaah yang berdaftar perlu menunggu sehingga 71 tahun sebelum dipanggil menunaikan ibadat itu. Tentu ramai sedia maklum bahawa Arab Saudi mengekalkan kuota jemaah haji terhadap semua negara Islam kerana kerja menaik taraf matlaf Masjidil Haram dan kawasan sekitarnya yang berjalan lebih dua tahun lalu. Kita juga bukan satu-satunya negara yang meminta penambahan kuota. Contohnya, India memohon kuota jemaahnya tahun ini ditambah kepada 141,890 orang, tetapi Riyadh menolak dan mengekalkannya pada 136,020 jemaah seperti tahun lalu. Pun begitu, kita sudah menyampaikan permohonan untuk penambahan 10,000 lagi jemaah bagi menunaikan haji. Paling tidak pun, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom, ada penambahan kepada kuota sedia ada meskipun tidak sepenuhnya. Sekalipun tidak mahu mengulas panjang, Perdana Menteri tidak menolak kemungkinan kuota jemaah ditambah menggunakan perkataan 'kalau ada rezeki.' Lebih-lebih lagi dengan berita terbaru bahawa pembinaan matlaf Masjidil Haram bagi fasa awal akan siap sebelum musim haji

bermula bulan Ogos tahun ini.

Datuk Bandar Makkah, Dr Osama Fadl Albaar memberitahu apabila siap, seramai 130,000 jemaah haji boleh menunaikan tawaf dalam masa sejam berbanding 70,000, sebelum ini. Malah, apabila fasa ketiga projek siap serentak dengan kerja pembangunan kota Makkah pada tahun 2020, Masjidil Haram dapat menampung dua juta jemaah berbanding 600,000 ketika ini. Kita juga menaruh kepercayaan bahawa faktor terbesar yang menyebelahi Malaysia dalam soal pertambahan kuota haji ialah hubungan baik kedua-dua negara selain pengiktirafan Riyadh terhadap TH sebagai antara pengurus terbaik jemaah haji. Hubungan baik itu terpapar ketika kunjungan rasmi Perdana Menteri ke Arab Saudi awal Jun menyaksikan beliau berunding dengan pemimpin baharu Arab Saudi, Raja Salman Abdulaziz Al-Saud dan Putera Mahkota, Putera Mohammed Naif Al-Saud. Dalam pertemuan itu, isu penambahan kuota haji juga dikemukakan. Malah, hubungan Riyadh dan Kuala Lumpur boleh disifatkan memasuki tahap baharu selepas syarikat Prasarana Malaysia Bhd diberi kontrak mengurus dan menyelenggara Metro Line, perkhidmatan kereta api elektrik yang beroperasi pada musim haji, menghubungkan Arafah, Muzdalifah dan Mina, bernilai RM900 juta. Apapun, sudah tentu ramai jemaah kita yang berdaftar menunggu surat TH untuk menunaikan rukun Islam ke-5 pada tahun ini. Dalam soal penambahan kuota haji, kita doakan jika tidak pada tahun ini, ia akan menjadi kenyataan pada musim haji seterusnya.